Edisi cetak BH disiap paling lewat sehingga 9 malam sebelum proses pencetakan. Untuk laporan terkini, sila ke wadah digital BH di **BeritaHarian.sg**

# Berita Minggu

AHAD, 17 SEPTEMBER 2023 (1 RABIULAWAL 1445H) | Sebuah penerbitan SPH Media Limited | MCI (P) 041/06/2023 | 70 sen

**2 band Nusantara bakal gegar Kota Singa** – Muka 18



**Tidak patuh arahan Pofma: Laman web East Asia Forum disekat** – Muka 2



**13 taman di selatan S'pura bakal dipertingkat, dihubung** – Muka 2

# S'pura toleran terhadap agama berbeza kerana bimbingan baik pemimpin agama: Shanmugam

▶ **IZWANDI AZMAN**
izwandi@sph.com.sg

Bimbingan baik pemimpin agama Singapura, termasuk Mufti dan asatizah, telah membolehkan warga Singapura bersikap toleran terhadap warga lain yang mempunyai kepercayaan berbeza walaupun terdapat trend eksklusivisme di rantau ini, kata Menteri Ehwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam.

Memetik tinjauan Pusat Penyelidikan Pew baru-baru ini, Encik Shanmugam berkata keadaan di Singapura adalah berbeza dengan keadaan di Indonesia dan Malaysia.

Menurut beliau, hampir 90 peratus warga Singapura mengatakan beragama Kristian, Islam atau Hindu, atau kepercayaan pada agama-agama Cina dan sebagainya boleh diterima sebagai warga Singapura.

Sebaliknya, 86 peratus warga Muslim di Indonesia mengatakan ia adalah "sangat penting" untuk beragama Islam, untuk benar-benar menjadi warga Indonesia.

Di Malaysia, 79 peratus warga Muslim mengatakan demikian.

"Ini perbezaan besar," kata Encik Shanmugam.

"Di sini, seorang Muslim berkata anda boleh menjadi Muslim, anda boleh menjadi Kristian, ada orang beragama Hindu, anda boleh percaya pada agama Tao, anda masih seorang warga Singapura. Di Malaysia, mereka akan berkata anda bukan seorang warga Malaysia jika anda bukan seorang Muslim. Di Indonesia, mereka berkata anda bukan seorang warga Indonesia jika bukan seorang Muslim. Ia satu perbezaan besar, dari sudut psikologi," tambah beliau.

Menurut Encik Shanmugam, sebahagian besar keadaan di Singapura berbeza adalah kerana negara ini mempunyai rangka kerja undang-undang yang melarang keganasan dan ucapan kebencian terhadap sesiapa.

Namun, beliau berkata keadaan di sini juga berbeza kerana cara agama diamal dan diajarkan di sini.

"Ini benar bagi semua agama... jika anda mengambil contoh ulama, Mufti, asatizah dan pemimpin agama-agama lain, mereka sentiasa menekankan peri penting sikap menerima dan toleransi," ujar Encik Shanmugam lagi.



**BERAMAH MESRA:** Menteri Ehwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam (dua dari kanan), berinteraksi dengan pengerusi bersama RRG, Ustaz Mohamad Hasbi Hassan (kanan) dan Ustaz Dr Mohamed Ali (dua dari kiri) di Majlis Makan Tengah Hari bagi Menghargai Sukarelawan Masyarakat ke-17. Bersama mereka ialah Presiden Taman Bacaan, Encik Abdul Halim Kader (tiga dari kanan). – Foto ST

Beliau berkata demikian pada Sabtu, di Majlis Makan Tengah Hari Bagi Menghargai Sukarelawan Masyarakat ke-17 anjuran Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA), di Orchid Country Club.

Dalam ucapannya juga, Encik Shanmugam menyentuh tentang cabaran yang dikemukakan oleh media sosial dalam usaha mengekang radikalisasi dan peranan relawan dalam masyarakat.

Beliau berkata walaupun media sosial adalah baik untuk berkongsi pengetahuan, ia juga boleh memecahbelahkan masyarakat dan menyebabkan orang ramai untuk tersalah jalan.

Ini kerana media sosial membolehkan sesiapa sahaja menyebar dan berkongsi maklumat dengan kadar yang pantas.

"Masyarakat boleh dipengaruhi oleh masyarakat lain dan orang boleh dipengaruhi oleh orang lain, sejauh beribu-ribu kilometer, dengan pantas.

"Terdapat orang yang secara sengaja mengelirukan dengan memberikan maklumat yang salah... atau memimpin orang ke arah pengganasan dan radikalisasi.

"Radikalisasi dalam talian seperti yang dijelaskan oleh laporan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (ISD), adalah faktor utama dalam mendorong ancaman pengganasan di Singapura hari ini.

"Lebih ramai golongan muda semakin terdedah kepada pandangan radikal melalui media sosial. Pengganas dan pelampau semakin mahir menggunakan media sosial dan mereka menyasarkan golongan muda."

Untuk memerangi pandangan radikal antara golongan muda, ia memerlukan usaha daripada semua warga Singapura, kata Encik Shanmugam.

Selain pemerintah yang mempunyai undang-undang dan rangka kerja untuk memerangi radikalisasi di Singapura, Encik Shanmugam berkata ia juga memerlukan usaha daripada keluarga, asatizah dan pertubuhan seperti Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) dan Kumpulan Penjagaan Lanjut Antara Agensi (ACG).

RRG melancarkan akaun TikTok pada Jun 2023 yang merupakan sebahagian usaha mendekati golongan muda di dalam talian.

Menurut Encik Shanmugam usaha itu memperluas jangkauan RRG di dalam talian, menambah kepada usahanya mendekati individu di YouTube, Instagram dan Facebook.

# Mahkamah Syariah permudah pasangan rujuk dalam tempoh idah

▶ **NUR DHUHA ESOOF**
nurdhuha@sph.com.sg

Mahkamah Syariah telah mempermudah cara bagi pasangan yang jatuh talak di luar mahkamah untuk merujuk semula dalam tempoh idah dan menyelamatkan perkahwinan mereka.

Ini termasuk mempercepat proses pendaftaran cerai bagi pasangan sedemikian supaya mereka boleh memulakan proses merujuk lebih awal dalam tempoh idah.

Ini dilakukan melalui proses Niat Untuk Rujuk (ITR) yang dibezakan dengan pasangan yang tempoh idah sudah berakhir.

Proses yang dibezakan itu membolehkan pasangan tersebut mendaftar perceraian mereka lebih awal daripada proses perceraian biasa.

Proses ITR melengkapi struktur perlindungan yang dibangunkan dalam proses perceraian mahkamah bagi memastikan perceraian adalah pilihan terakhir untuk pasangan dalam menghuraikan konflik rumah tangga yang dihadapi dan kepentingan anak kekal terjaga jika perceraian berlaku, kata Presiden Kanan Mahkamah Syariah, Cik Guy Ghazali.

Dalam wawancara bersama *Berita Minggu* (BM) baru-baru ini, Cik Guy berkata:

"Proses ITR disediakan untuk satu kategori perceraian yang mana talak sudah pun dilafazkan oleh suami di luar mahkamah tetapi belum ada permohonan perceraian difailkan di mahkamah dan suami isteri ingin berbaik semula sebelum tamatnya tempoh idah.

"Tidak semua kes talak yang dilafazkan di luar mahkamah berakhir dengan rujuk. Malah, kes sedemikian adalah minoriti," tambahnya.

Dilaksana sejak November 2022, proses ITR yang dibezakan itu tidak menghendaki pasangan menjalani Program Kaunseling Perkahwinan (MCP) yang diwajibkan bagi pasangan yang mempertimbangkan perceraian, sebelum proses perceraian bermula di mahkamah.

Ini membolehkan pasangan menyelesaikan proses merujuk kembali dalam masa dua hingga tiga minggu, bergantung pada kes.

Bagi pasangan yang mahu merujuk kembali tetapi tempoh idah telah berakhir, mereka perlu menjalani program MCP.

Dilancar pada 2004, MCP bertujuan menyelamatkan perkahwinan.

Tetapi jika pasangan memilih mahu terus bercerai, ia akan menjadi wadah bagi pasangan membincangkan penjagaan dan perancangan hidup anak mereka.

Menurut Mahkamah Syariah, lebih 27,000 rujukan dibuat dalam tempoh 10 tahun pertama MCP dilancarkan.

Sejumlah 44 peratus pasangan dalam program itu memutuskan untuk tidak meneruskan perceraian.

Mahkamah Syariah, yang menyambut ulang tahunnya yang ke-65 November ini, telah mempertingkatkan beberapa prosesnya dalam beberapa tahun kebelakangan.

Selain proses ITR yang dibezakan, ia juga telah memperkenalkan proses dipertingkat bagi mewawancara anak-anak yang penjagaannya dipertikaikan sedang ibu bapa mereka menjalani proses perceraian.

■ Laporan lanjut – Muka 6 & 7

| SOLAT | Subuh 5.39 | Syuruk 6.56 | Zuhur 1.01 | Asar 4.01 | Maghrib 7.03 | Isyak 8.12 |
|---|---|---|---|---|---|---|

*Meraikan Kejayaan*

AN ASME–LIANHE ZAOBAO AWARD
新加坡金字品牌奖
Singapore Prestige Brand Award 2023
Winner, SPBA - Established Brands

**Herbal Pharm dianugerahkan SPBA 2023 - Established Brands Award!**

Herbal Pharm berbesar hati ingin berkongsi kemenangan dan penganugerahan yang kami terima dalam kategori Established Brands - Singapore Prestige Brand Awards 2023. Kami amat menghargai sokongan yang diberikan oleh para pelanggan, pekerja dan pembekal.

Dari 2002, SPBA telah mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada jenama-jenama Singapura yang telah dimajukan dan diuruskan dengan baik melalui inisiatif penjenamaan yang berkesan.

Pengiktirafan ini menguatkan dedikasi kami untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang terbaik. Terima kasih kepada Association of Small & Medium Enterprises (ASME) dan Lianhe Zaobao atas penghargaan ini.

Selain daripada anugerah ini, SPBA telah memulakan kempen secara online untuk orang ramai mengundi Jenama Paling Popular dalam setiap kategori. Undian anda untuk Herbal Pharm melambangkan kepercayaan anda terhadap kualiti dan dedikasi kami untuk terus maju ke depan.

**Undilah Kami!**

HERBAL PHARM®

MADE WITH PASSION SINGAPORE

HERBAL PHARM® : 6749 0004 :9889 0004 USE PAYNOW UEN: 200509003R atome Buy now. Pay later

1008 Toa Payoh North #01-18 Singapore 318996 | 8 Race Course Lane, Singapore 218735 **Website** : www.herbalpharm.com.sg : @HerbalPharm